

Agihan pendapatan ASB masih kompetitif

Tepati jangkaan berdasarkan keadaan pasaran amat mencabar

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pembayaran agihan pendapatan Amanah Saham Bumiputera (ASB) sebanyak 5.50 sen seunit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dis-

ifatkan masih kompetitif meskipun terendah sejak dana itu diperkenalkan, demikian kata penganalisis.

Penasihat Persatuan Penganalisa Teknikal Malaysia (MATA), Nazarry Rosli, berkata agihan pendapatan ASB itu menepati jangkaannya dengan mengambil kira keadaan pasaran yang sangat mencabar.

Beliau berkata, walaupun terendah sejak 1990, pembayaran agihan ASB itu lebih baik berbanding instrumen harga tetap lain seperti kadar pulangan di bank.

“Dengan mengambil kira per-

sekitaran pasaran yang sangat mencabar tahun ini serta prestasi pasaran saham tempatan yang kurang memberangsangkan, kadar pulangan ASB sebanyak 5.50 sen seunit itu adalah lebih baik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada *BH* ketika diminta mengulas mengenai pengumuman agihan pendapatan ASB bagi tahun kewangan 2019.

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata, walaupun agihan pendapatan ASB itu

adalah terendah dalam sejarah, pelabur harus faham beberapa perkara positif daripada pengumuman itu.

Beliau berkata, kadar positif 5.50 peratus lebih tinggi berbanding peratusan perubahan Indeks FBM KLCI sejak awal 2019 yang jatuh 7.2 peratus.

Malah, katanya, agihan pendapatan dan bonus yang diumumkan lebih tinggi berbanding kadar untung simpanan tetap dan sesetengah dana amanah yang lain.

“Pelaburan ASB adalah bersifat jangka panjang dan sesiapa yang melabur untuk tujuan



berkenaan akan mendapat pulangan pelaburan lebih tinggi berbanding mana-mana dana pelaburan lain,” katanya.

Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Bhd (PNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sen seunit dan bonus 0.50 sen seunit bagi ASB untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Jumlah pembayaran pengagihan berjumlah RM9.0 bilion itu akan memanfaatkan 10 juta pemegang unit yang memiliki 167.2 bilion unit dalam ASB.

“**Dengan mengambil kira persekitaran pasaran yang sangat mencabar tahun ini serta prestasi pasaran saham tempatan yang kurang memberangsangkan, kadar pulangan ASB sebanyak 5.50 sen seunit itu adalah lebih baik.**

Nazarry Rosli,
Penasihat Persatuan Penganalisa Teknikal Malaysia (MATA)

Pelaburan ASB adalah bersifat jangka panjang dan sesiapa yang melabur untuk tujuan berkenaan akan mendapat pulangan pelaburan yang lebih tinggi berbanding mana-mana dana pelaburan lain.

Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS)

